



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

HAK PESAKIT DAN KELUARGA

PESAKIT DAN KELUARGA BERHAK

- Dinilai dan dirawat dengan penuh kehormatan dan maruah
- Menerima rawatan yang berkesan dan bertepatan secara profesional tanpa mengira umur, jantina, bangsa, agama serta status ekonomi.
- Menerima penerangan mengenai prosedur pembedahan dan ujian yg akan dilakukan sebelum memberikan keizinan rawatan
- Mengetahui tahap kesihatan , rawatan terkini yang bersesuaian, perkembangan penyakit, perancangan rawatan dan selanjutnya
- Memilih hospital/ institusi / fasiliti serta jenis rawatan yang diperlukan
- Memelihara privasi semasa rawatan dan semua maklumat perawatan adalah sulit yang tidak boleh diakses oleh pihak luar tanpa kebenaran
- Berhak dipanggil dengan nama yang betul dan dimaklumkan dengan maklumat anggota kesihatan yang terlibat dalam proses rawatan
- Melibatkan ahli keluarga dalam perbincangan dalam membuat keputusan berkaitan penjagaan dan rawatan penyakit
- Mendapat penerangan dan nasihat tentang perawatan yang diberikan oleh doktor sebelum keluar dari wad
- Dimaklumkan mengenai ketiadaan perkhidmatan dan keperluan dirujuk ke hospital / institusi kerajaan yang berkaitan
- Mendapat pandangan dan pendapat daripada pihak kedua
- Mendapat penilaian dan terlibat dalam pengurusan tahap kesihatan
- Berkomunikasi dalam bahasa yang difahami dan mendapatkan penterjemahan
- Diberitahu mengenai caj-caj rawatan dan mendapat kemudahan kebajikan sosial jika diperlukan
- Membuat keputusan dalam pendermaan organ dan menderma organ hanya dengan kebenaran
- Bersetuju atau menolak daripada mengambil bahagian dalam kajian penyelidikan perubatan
- Boleh mengutarakan pertanyaan, ketidakpuasan hati, aduan/maklum balas atau cadangan penambahbaikan berkaitan perkhidmatan atau rawatan

UBAT-UBATAN

- Memohon maklumat berkenaan ubat-ubatan dan kesan sampingan.
- Menyoal jika terdapat keraguan dalam rawatan ubatan yang diberikan.

REKOD PERUBATAN

- Memohon laporan perubatan di Unit Rekod, HKKB dengan kadar bayaran yang ditetapkan.
- Maklumat perubatan anda adalah sulit dan disimpan di tempat yang selamat.
- Rekod perubatan anda hanya boleh diakses oleh anggota yang berkenaan sahaja.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

HAK PESAKIT DAN KELUARGA

BIL BAYARAN

- Mendapatkan maklumat tentang bayaran dan memohon bil terperinci di Unit Hasil, HKKB.

PENDIDIKAN KESIHATAN

- Diberikan pendidikan kesihatan berkaitan dengan penyakit anda.

TANGGUNG-JAWAB PESAKIT & KELUARGA

- Memberikan maklumat yang tepat tentang penyakit, sejarah penyakit dan kemasukan ke wad, rawatan terkini dan sejarah penyakit yang berkaitan.
- Memberi maklumat waris terdekat, nama, alamat dan nombor telefon yang betul dan terkini.
- Mematuhi nasihat rawatan, pemakanan khas dan temu janji.
- Menjaga hartabenda dan kemudahan yang disediakan oleh hospital.
- Memaklumkan anggota jika anda mengalami masalah, alahan, memerlukan penerangan dan bantuan.
- Menghormati pesakit dan orang lain yang berada di sekeliling anda.
- Menghormati dan memberikan kerjasama kepada anggota hospital

Mematuhi polisi hospital berkenaan


- Peraturan waktu melawat dan bilangan pelawat yang dibenarkan.
- Mengamalkan mencuci tangan atau hand rub sebelum dan selepas melawat pesakit.
- Meletakkan kenderaan ditempat yang disediakan.
- Menghormati dan memberikan kerjasama kepada anggota hospital

Pesakit dan keluarga dilarang

- Membawa barang berharga atau jumlah wang berlebihan.
- Meningggalkan wad atau kawasan tanpa memaklumkan jururawat yang menjaga.
- Membuang sampah merata-rata di kawasan hospital. Sila gunakan tong sampah yang disediakan.
- Dilarang merokok di dalam wad dan kawasan hospital.
- Merakam video dan mengambil gambar semasa rawatan dan di dalam kawasan hospital.

Peranan anda untuk keselamatan :

- Anda dikehendaki memakai tanda nama, RN, wad atau unit di pergelangan tangan pada setiap masa di wad.
- Kanak-kanak di bawah 12 tahun tidak dibenarkan melawat hospital kecuali untuk mendapatkan rawatan.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

HAK PESAKIT DAN KELUARGA

Sekiranya anda berisiko untuk jatuh :

- Minta bantuan anggota apabila hendak berpindah ke kerusi roda dari katil atau semasa hendak ke tandas.
- Elakkan menggunakan selipar yang licin.
- Memastikan pagar katil dinaikkan.



PENGARAH HOSPITAL
HOSPITAL KUALA KUBU BHARU
2024